

**JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR****PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010
PERDAGANGAN****3755/2****Kertas 2
Ogos/Sept.
2 jam****Dua jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian B.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Bahagian A**[75 markah]***Jawab tiga soalan sahaja.***1 (a)** Jelaskan jenis pengeluaran berikut:(i) pengeluaran langsung **[3 markah]**(ii) pengeluaran tak langsung. **[3 markah]****(b)** Gambar menunjukkan dua individu yang terlibat dalam perniagaan.**Encik Ali**

Menjual pelbagai jenis barang kepada pengguna untuk meraih keuntungan yang banyak

**Encik Ahmad**

Menghasilkan dan mengubah bentuk barang sedia ada menjadi produk yang berfaedah tinggi kepada manusia


(i) Nyatakan perbezaan di antara Encik Ali dan Encik Ahmad. **[6 markah]**(ii) Terangkan dua sifat yang dimiliki oleh Encik Ahmad? **[4 markah]****(c)** Pernyataan I hingga Pernyataan IV merujuk kepada pengkhususan dalam pengeluaran.

I	Doktor mengkhusus merawat pesakit manakala guru mendidik pelajar.	II	Dalam kilang kereta, terdapat pekerja yang memasang pintu dan ada kumpulan yang mengecat kereta.
III	Tanah Tinggi Cameron mengeluarkan Teh Boh dan buah strawberi.	IV	Jepun mengkhusus dalam bidang perindustrian.

Terangkan mengapakah pengkhususan tersebut wujud dalam pengeluaran?

[6 markah]**(d)** Jelaskan tiga kelebihan pengkhususan kepada peniaga.**[3 markah]**

- 2 (a) Gambar menunjukkan sejenis barang .




- (i) Apakah jenis saluran agihan yang sesuai digunakan untuk mengagihkan barangan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan mengapa saluran agihan di 2(a)(i) dipilih. [5 markah]

- (b) Gambar menunjukkan perbualan di antara dua orang peruncit.



Terangkan mengapa Daud membeli barang daripada pemborong. [6 markah]

- (c) Gambar menunjukkan bentuk lain peruncitan .



Terangkan empat keadaan lain yang membolehkan pengambilalihan fungsi pemborong. [8 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

(d) Berikut adalah suatu dokumen perniagaan dalam negeri.

SYARIKAT PEMBORONG YAT SDN. BHD. 64, JALAN HANG LEKIU 13 TAMAN SKUDAI BARU 81300 JOHOR BAHRU TEL : 07-5113613								
Kepad: Pasar Mini Gembira 13 Jalan Ria 5 Taman Pelangi 83000 Batu Pahat		Tarikh : 14 Mei 2010						
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <th style="text-align: center;">Tarikh</th> <th style="text-align: center;">Keterangan</th> <th style="text-align: center;">Jumlah</th> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">13 Mei 2009</td> <td>Satu gros pen Maya 0.2 dipulangkan kerana rosak Kurang diskaun niaga 10%</td> <td> RM25.00 RM2.50 ----- RM22.50 ===== </td> </tr> </table>	Tarikh	Keterangan	Jumlah	13 Mei 2009	Satu gros pen Maya 0.2 dipulangkan kerana rosak Kurang diskaun niaga 10%	RM25.00 RM2.50 ----- RM22.50 =====		
Tarikh	Keterangan	Jumlah						
13 Mei 2009	Satu gros pen Maya 0.2 dipulangkan kerana rosak Kurang diskaun niaga 10%	RM25.00 RM2.50 ----- RM22.50 =====						
Ringgit Malaysia : Dua puluh dua dan lima puluh sen sahaja								
K. & K. di K. Azman Harun (Pengurus Akaun)								

- (i) Namakan dokumen tersebut. [1 markah]
- (ii) Nyatakan sebab lain mengapa dokumen tersebut dihantar kepada Pasar Mini Gembira. [4 markah]

- 3 (a) Berikut adalah dokumen pengangkutan perniagaan antarabangsa.

Penghantar: Syarikat Kereta Maju, Kawasan Perindustrian 41000 Shah Alam, Selangor, Malaysia. Penerima konsainan: International Cars Ltd. P.O Box 255 United Kindom Kapal tempahan: Grand Silver Tempat barang, dimuatkan: Pelabuhan Kelang		No. : EXP 120 Rujukan kapal : PK631	
Tempat berlepas: Klang	Tempat dituju : New York	Freight sudah Dibayar	
Jumlah bil :3 (Tiga)			
Tanda dan Nombor	Kuantiti	Keterangan	Berat Kasar
Ukuran (kubik meter)			
PMT 8125	20 unit	Kereta Promaju	19 500 kg
200 m			
Jumlah unit: Dua puluh sahaja Tempat dikeluarkan : Klang Tandatangan: <i>Ali</i>			

- (i) Namakan dokumen di atas. [1 markah]
- (ii) Berikan tiga kegunaan dokumen di 3(a)(i) [3 markah]
- (b) Maklumat berikut mengenai ciri sebuah industri.

• Modal kurang daripada RM2.5 juta • Organisasi perniagaan mudah dan ringkas • Mempunyai pekerja kurang daripada 150 orang • Pengeluaran lebih berintensifkan buruh
--

- (i) Nyatakan jenis industri tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan industri di 3(b)(i) kepada negara. [5 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (c) Gambar menunjukkan perbualan antara Puan Melati dan Encik George.



- (i) Namakan cara memulakan perniagaan yang dicadangkan oleh Encik George. [1 markah]
- (ii) Jelaskan ciri-ciri perniagaan di 3(c)(i). [4 markah]
- (d) Dialog berikut adalah antara Encik Hafizan dan Encik Syazwan.

Encik Hafizan	: Saya baru bersara dan mendapat saguhati daripada kerajaan sebanyak RM100 000. Saya tak tahu nak melabur dimana.
Encik Syazwan	: Kalau nak risiko rendah, pilih simpanan bank atau unit amanah. Kalau berani risiko tinggi, melaburlah di Bursa Saham Kuala Lumpur (Bursa Malaysia)
Encik Hafizan	: Kalau macam tu, saya pilih unit amanah.

- Terangkan mengapa Encik Hafizan memilih jenis pelaburan tersebut? [4 markah]
- (c) Terangkan tiga panduan asas membuat pelaburan. [6 markah]

- 4 (a) Berikut adalah logo sebuah bank



- (i) Tentukan jenis bank yang mempunyai logo tersebut. [1 markah]
(ii) Terangkan **dua** fungsi bank tersebut. [4 markah]

- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan Encik Mohis.

Encik Mohis seorang peniaga bercadang meminjam wang daripada Bank Cergas Jalan Pontian untuk membiayai perniagaan alatulis yang baru beroperasi.

Terangkan faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak bank sebelum memberi pinjaman kepada Encik Mohis. [6 markah]

- (c) Encik Tumiran seorang usahawan dalam bidang telekomunikasi lebih suka menggunakan cek untuk membuat pembayaran kepada pemiutangnya. Terangkan mengapa beliau menggunakan cek. [4 markah]

- (d) Pernyataan berikut berkaitan seorang insured

Puan Lo ingin menginsuranskan rumah kakaknya tetapi telah ditolak oleh pihak insurur.

Jelaskan mengapa pihak insurur menolak permohonan Puan Lo. [4 markah]

- (e) Jelaskan insurans kemalangan berikut:

- (i) Insurans liabiliti majikan [3 markah]
(ii) Insurans liabiliti am [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 5 (a) Gambar berikut berkaitan dengan iklan kasut Trocs



trocs

For immediate release

Fairy Ann Win
FW Comm
603 4545454
6019 2285366
Fairy @ fwcomm.net



**KASUT TROCS YANG UNIK, INOVATIF, SELESA,
FENOMENA GLOBAL DAN ANEKA WARNA
KINI DI MALAYSIA**

- (i) Nyatakan perkhidmatan komunikasi yang boleh digunakan oleh pelanggan di Johor untuk membuat pembelian produk tersebut dengan cepat dan mudah. [1 markah]
- (ii) Mengapakah perkhidmatan di 5 (a)(i) digunakan ? [4 markah]
- (b)
- Azreen baru mengusahakan produk berasaskan herba sejak sebulan lalu di Hulu Selangor. Beliau sangat mementingkan kualiti dan sentiasa meningkatkan kuantiti keluarannya.

Terangkan bagaimanakah promosi dapat membantu beliau menembusi pasaran seluruh Malaysia. [6 markah]


- (c) Gambar berkaitan dengan keratan iklan surat khabar

*Syarikat Zoomy Berhad
Jalan Segamat
85000 Segamat
Johor*

Segelas Zoomy Juice Plus Antioxidant Boost membekalkan 30% Vitamin C dan 50% Vitamin E yang anda perlukan setiap hari.

- Kandungan Vit A,C & E yang tinggi
- Mengandungi isi buah sebenar
- Tiada bahan pengawet
- Tiada perisa tiruan
- Tiada bahan pewarna

**Pilihlah
!!!**



**5% daripada jualan
didermakan kepada
Persatuan Kanser
Negara**

- (i) Huraikan **dua** gaya tarikan yang terdapat di dalam iklan tersebut [6 markah]
- (ii) Jelaskan faktor yang dipertimbangkan oleh Syarikat Zoomy Berhad sebelum memilih media pengiklanan tersebut. [4 markah]
- (d) Jelaskan ciri-ciri publisiti. [4 markah]

Bahagian B*[25 markah]**Soalan ini wajib dijawab*

- 6 Encik Sahibul, adalah pengerusi Persatuan Nelayan Tanjung Pelelah di Johor. Nelayan di kampung tersebut menjual hasil tangkapan mereka kepada pemborong Lim dengan harga rendah. Ini menyebabkan pendapatan yang diterima tidak dapat menampung kos untuk membaiki bot ataupun membeli peralatan menangkap ikan.

Encik Sahibul dan rakan-rakannya berpendapat mereka perlu bekerjasama untuk menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi untuk meningkatkan taraf hidup. Schubungan itu mereka merancang untuk menubuhkan satu pertubuhan yang dapat menjalankan perniagaan dan menjaga kebajikan ahli. Encik Sahibul telah menjemput seorang pegawai dari sebuah agensi kerajaan untuk memberi penerangan tentang kepentingan pertubuhan tersebut. Seramai 400 orang nelayan kampung tersebut telah bersetuju menjadi ahli. Modal yang disumbangkan digunakan untuk menjalankan perniagaan runcit dan pemasaran hasil laut.

Setelah setahun beroperasi, perniagaan telah mencatatkan lebih sebanyak RM60 000. Daripada jumlah itu RM10 000 diasingkan sebagai rizab dan selebihnya diagihkan. Ahli Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan 10% faedah atas modal dan jumlah belian anggota untuk tahun berkenaan berjumlah RM250 000.

Kejayaan tersebut telah menyebabkan Ahli Lembaga Pengarah bercadang memasarkan keluaran ke seluruh negara. Pelbagai persediaan telah dilakukan termasuklah memilih jenis pengangkutan yang sesuai. Kesilapan dalam membuat keputusan akan menyebabkan kos pengeluaran meningkat.

Baru-baru ini Ahli Lembaga Pengarah telah menerima rungutan daripada pelanggan yang tidak berpuashati dengan kualiti hasil laut. Selain itu harga scsetengah barang runcit pula dijual lebih lebih tinggi berbanding harga di kedai lain. Ahli Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk mengambil tindakan agar perkara itu tidak berpanjangan.

- (a) (i) Apakah jenis pemilikan perniagaan yang ditubuhkan oleh Encik Sahibul dan rakan-rakannya. *[1 markah]*
- (ii) Terangkan mengapakah Encik Sahibul dan rakan-rakannya menubuhkan jenis pemilikan perniagaan di 6(a)(i). *[8 markah]*
- (iii) Hitungkan kadar rebat perniagaan pada tahun tersebut. *[3 markah]*
- (b) Terangkan empat faktor yang mempengaruhi Ahli Lembaga Pengarah semasa memilih jenis pengangkutan untuk memasarkan keluarannya ke seluruh negara. *[8 markah]*
- (c) Jelaskan etika penjual yang sepatutnya diamalkan oleh perniagaan terhadap pelanggannya. *[5 markah]*

KERTAS SOALAN TAMAT